Buletin FTMK

Edisi Julai 2011

ISSN 2229-9351

Isi Kandungan

Pengurusan FTMK

Dekan
Prof Dr Shahrin Sahib @ Sahibuddin

Tim. Dekan (Akademik)
Prof Madya Dr Faaizah Shahbodin

Tim. Dekan (Penyelidikan & P.Siswazah)
Prof Madya Dr Burairah Hussin

Ketua Penolong Pendaftar
Encik Muhamad Sopian Baharom

Penolong Pendaftar
Mohd Rady Ab Karim

Ketua Jabatan
Prof Madya Dr. Sazilah Bt Salam
Dr Abd Samad Hassan Basari
Dr Azah Kamilah Draman @ Muda
Dr Mohd Faizal Bin Abdollah
Dr Choo Yun Huoy

Pengurus Makmal
Cik Emaliana Kasmuri



Sidang Redaksi

Penasihat
Prof Dr Shahrin Sahib @ Sahibuddin

Editor & Grafik
Erman Hamid

Penulis
PM Dr Rabiah Ahmad
Dr Hajah Norasiken Bakar
Mohd Syahrulazhar Sani
Mohd Lutfi Dolhalit
Kasturi Kanchymalay

Penulis Tamu
Dr Mohd Khanapi Abd Ghani
Dr Abd Samad Shibghatullah
Dr Mariana Yusoff
Maslita Abdul Aziz
Ahmad Shaarizan Shaarani
Muhd Haziq Lim Abdullah
Syariffanor Hisham
Othman Mohd
Mohd Zaki Mas'ud

Hidayah Rahmalan
Nor Azman Mat Ariff
Najwan Khambari
Emaliana Kasmuri
Irda Roslan
Siti Hajar Abd Latif
Haniza Nahar
Saira Hani Musa

Sekapur Sireh Seulas Pinang

Sumber insan merupakan elemen terpenting dalam memastikan berjaya tidaknya sesuatu perkara. Kerjasama dan ketekunan dalam bertindak biasanya terangkum sebagai teras kepada kesempurnaan sesuatu kerja. FTMK yang cemerlang bertambah cemerlang dengan adunan kepelbagaian insan yang sama-sama bergerak untuk memajukan organisasi yang kita junjung bersama.

Fakta ini jelas dipamer daripada kandungan Buletin FTMK edisi kali ini dengan sorotan kepada aktiviti dan kerja keras kita sepanjang 6 bulan pertama 2011. Pengurusan fakulti mengambil kesempatan ini menghamburkan penghargaan kepada semua atas segala daya usaha, kesungguhan dan keikhlasan kita untuk sama-sama memajukan FTMK.

Adalah sangat diharap semoga semangat ini akan berterusan dalam memastikan FTMK terus ke mercu.

Salam Hormat

Prof Dr Hj Shahrin Hj Sahib @ Sahibuddin
Dekan, FTMK

Sekejap sahaja masa berlalu, Buletin FTMK terbit kembali. Akhirnya edisi terkini makalah rasmi FTMK ini menjengah lagi.

Seperti kebiasaannya edisi kali ini menampilkan aktiviti yang berjalan di dalam fakulti sepanjang 6 bulan pertama. Bermula daripada aktiviti berkaitan akademik, bukan akademik, lawatan, dan penulisan penyelidikan, sehinggalah kepada karya sastera warga FTMK telah termuat dalam edisi ini.

Pihak Editorial Buletin FTMK merakamkan berbanyak penghargaan kepada warga FTMK yang telibat menyumbang idea sehingga terhasilnya wadah FTMK kali ini Semoga kita terus berkarya!

Terima Kasih

Erman Hamid,
Editor
Buletin FTMK

PINTAR
22-24 Apr
Port Dickson



Kem Gempur
21-23 Jan

Menuju Puncak
18-20 Feb

Pilihanraya Majlis Perwakilan Pelajar
21 Feb

Lawatan ke FTMK

- Delegasi Indonesia
- Perda-Tech
- Sempena Anugerah Nilam Kebangsaan
- Kolej Komuniti Bandar Penawar, Johor
- SK (P) Methodist, Melaka
- SMK Kangkar Pulai, Johor
- SMK Puncak Alam, Selangor






Book Chapter Talk
21-23 Jan

CCM'11
18-20 Feb

Wacana E-Tanah
13 Apr

OSI Course
23-27 Mei

Imagine Cup 2011

Oleh:
Hidayah Rahmalan
Ummi Rabaah Hashim
Sarni Suhaila Rahim

Pertandingan perisian Imagine Cup peringkat kebangsaan bagi tahun 2011 telah diadakan 4 hingga 6 Mei 2011 di Kuching, Sarawak. Imagine Cup merupakan pertandingan merekabentuk perisian yang mendapat sambutan hangat dari pelajar-pelajar universiti dan kolej dari seluruh dunia. Pertandingan ini telah disertai oleh 30 kumpulan terpilih dari pelbagai universiti tempatan dan swasta. Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah dilantik sebagai sekretariat dan penganjuran pertandingan akhir Imagine Cup peringkat kebangsaan ini telah dikendalikan dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) ,Microsoft Malaysia, Prestariang Sdn Bhd and Multimedia Development Corporation.

Bagi Imagine Cup tahun 2011, juara telah menjadi milik kumpulan Cyber Knightz dari Asia Pacific University College of Technology and Innovation (UCTI). Mereka telah menggondol wang sebanyak RM 10,000 dengan mempamerkan satu aplikasi penjagaan kanser yang sangat praktikal dan menarik. Tempat kedua dimenangi oleh Kumpulan Filius Educata dan tempat ketiga dimenangi oleh Asia Science juga dari universiti yang sama dan masing-masing telah memperolehi ganjaran RM5,000 dan RM2,500.

UTeM diwakili oleh 2 kumpulan iaitu Marcador dan Tuffah bersama mentor-mentor iaitu Cik Sarni Suhaila (menggantikan Puan Nor Haslinda) dan Puan Ummi Raba'ah. Kedua-dua kumpulan juga turut mendapat khidmat nasihat dari Puan Hidayah Rahmalan selaku wakil FTMK yang bertugas. Kumpulan Tuffah yang terdiri daripada campuran pelbagai kursus dan kepakaran, mempertandingkan sistem Travguide. Sistem tersebut merupakan sistem maklumat pelancongan pintar dengan objektif untuk membantu pelancong membuat perancangan perjalanan mengikut budget dan keutamaan pelancong tersebut. Melalui konsep, agen dan pemandu pelancongan di hujung jari, maklumat mengenai destinasi yang ingin dilawati seperti kos terlibat, tempat-tempat menarik dan bahasa yang perlu diketahui boleh didapati dengan mudah tanpa memerlukan perkhidmatan agen pelancongan. Dengan itu, kos perjalanan dapat dikurangkan dan perbelanjaan boleh dirancang dengan lebih berkesan.

Kumpulan Marcador pula terdiri daripada pelajar tahun 2 BITI, menampilkan projek mereka yang bertajuk "Fuel Management System". Sistem tersebut menyasarkan penggunaan teknologi untuk meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerja di stesen minyak. Proses "dipping"(untuk mengesan status minyak dalam tangki) yang dilakukan secara manual setiap hari menyumbang kepada pelepasan gas yang memudaratkan kesihatan pekerja, di samping memberi kesan kepada alam sekitar. Sistem yang dihasilkan mampu mengawal tahap inventori dalam tangki minyak sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada proses "dipping".

Walaupun tidak memenangi pertandingan di peringkat kebangsaan, bagi kedua-dua kumpulan tersebut, terpilih sebagai 30 kumpulan terbaik seluruh Malaysia sudah cukup membanggakan, lebih-lebih lagi kumpulan Marcador yang terdiri daripada pelajar junior. Pertandingan tersebut memberi satu pengajaran dan pengalaman yang berharga buat mereka semua. Semoga pada tahun-tahun yang berikutnya, FTMK mampu menampilkan lebih banyak lagi calon-calon dari kumpulan pelajar yang mempunyai idea yang kreatif dan inovatif untuk dipertandingkan.

Kursus Teknologi Audio Video

Mohamad Lutfi Dolhalit, Syariffanor Hisham, Muhammad Haziq Lim Abdullah

Pada 24-28 Januari 2011 satu kursus berkaitan teknologi audio dan video anjuran jabatan Media Interaktif bersama Tegas Teknologi Sdn Bhd telah diadakan bertempat di Makmal Media Interaktif dan Studio Multimedia, Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) yang disertai oleh pensyarah jabatan Media Interaktif dan juruteknik.

Kursus ini diadakan bertujuan untuk melengkapkan kemahiran peserta dengan teknologi terkini teknologi audio video samada secara teori dan praktikal serta penyediaan peralatan audio melalui kaedah pemasangan peralatan, kawalan sistem audio, rakaman audio, pengendalian dan pemilihan mikrophone yang betul, mengendalikan sistem switcher/mixer dan penggunan perisian pengeditan audio dan video.

Modul kursus dibahagikan kepada beberapa bahagian melibatkan latihan teori dan praktikal merangkumi audio work station system, mobile audio system, camera system SCP dan Camera Stabilizer system. Pada hari pertama peserta diperkenalkan dengan modul audio workstation system ini melibatkan para peserta dengan aktiviti pemasangan peralatan audio kepada system audio mixer dikuti dengan rakaman serta pengeditan audio menggunakan perisian cubase LE. Manakala modul mobile audio system pula peserta didedahkan kepada penggunaan system audio mudah-alih bagi rakaman di lapangan.

Pada modul camera system SCP pula para peserta diperkenalkan dengan segala aspek teknikal dan panduan pengendalian video kamera digital, ini termasuklah pengendalian simpanan data bagi fail yang dirakamkan. Bagi membantu pengendalian kamera yang lebih baik peserta juga berpeluang menggunakan Camera Stabilizer system yang dinamakan steadycam yang biasa digunakan oleh penerbit filem dalam dan luar negara bagi rakaman hasilan visual yang lebih baik.

Diakhir kursus para peserta diberikan tugasan mengurus dan mengendalikan aktiviti rakaman video sebenar bertujuan mengaplikasi teori dan praktikal yang telah diajar sepanjang kursus. Sepanjang tugasan peserta berpeluang membentuk satu pasukan produksi rakaman dan menghasilkan persembahan video selama 5 minit. Dari hasil rakaman ini peserta berpeluang merasai pengalaman sebenar bagaimana mengurus,mengendalikan dan menghasilkan satu hasilan video.

Sesungguhnya kursus ini memberi banyak manfaat kepada peserta membolehkan para peserta mengendalikan segala perkakasan dan perisian audio dan video dengan lebih cekap dan yakin.



Tujuan

Kursus yang dikendalikan oleh jurulatih yang berpengalaman dari Persatuan Bulan Sabit Merah cawangan Melaka ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada Jawatankuasa Emergency Response Team dan juga First Aid Team fakulti serta staf FTMK bagi memantapkan pengetahuan sedia ada dan memberi kemahiran tambahan dalam membantu memberi rawatan awalan dan pendedahan kemungkinan kemalangan yang berlaku di dalam kawasan kerja bangunan FTMK

Kursus Pengenalan Pertolongan Cemas & Cardio Pulmonari Resusitasi

Oleh : Siti Hajar Abdul Latif

Objektif

- Menyediakan platform dalam memperkayakan pengetahuan, mengembangkan pengalaman dan berkongsi maklumat berkaitan asas pertolongan cemas dan teknik rawatannya.
- Mengenal pasti dan mentafsir potensi risiko yang mungkin berlaku di tempat kerja dan boleh mengakibatkan kecederaan dan penyakit.
- Memberi pendedahan terhadap teknik pertolongan cemas dan menambah kemahiran peserta dalam menangani kecederaan serta mengendalikan mangsa semasa kecemasan.
- Memberi pengetahuan bagi menentukan setiap fungsi peralatan kecemasan apabila diperlukan.
- Melalui kursus ini, staf juga akan diberikan latihan dan cabaran untuk menentukan rawatan yang sepatutnya diberikan berdasarkan kemalangan yang terjadi, mewujudkan semangat bantu-membantu serta dapat mengelakkan kemalangan atau kecederaan menjadi lebih parah.

Tempat / Tarikh

- Kursus ini telah dijalankan pada 18-19 April 2011 bertempat di Dewan Seminar, FTMK.

Penyertaan

- Kursus ini telah dihadiri seramai 19 orang staf seperti senarai berikut;

Othman Mohd	Nur Ain Zakirah Bahari	Mohammad Uzaini Ab Rahim
Mohamad Lutfi Dolhalit	Mohd Haffez Khalik	Badrolhisam Harun
Maslita Abd Aziz	Mohd Fahrulrazi Saji	Zuraiyati Ab.Rahim
Zahriah Othman	Mohd Sharudin Ab Majid	Kharmizi Khamis
Safiza Suhana Kamal Bahrin	Hazre Haron	Siti Hajar Abdul Latiff
Emaliana Kasmuri	Mohd Rif'an Abd. Rahman	
Lela Omar	Shahrizan Abdullah	

Perjalanan Kursus

1.

Corak kursus telah dijalankan secara dua hala yang menggalakkan perkongsian dan perbincangan antara jurulatih dan peserta. Melalui cara ini, peserta dapat mengeluarkan pendapat berdasarkan kefahaman di samping mengajukan sebarang kemusykilan secara langsung berhubung sesuatu topic yang diperbincangkan agar dapat memperbaiki sebarang kefahaman yang tidak tepat.

2.

Pelbagai topik telah dikupas di dalam kursus ini. Antaranya ialah punca-punca serta rawatan bagi ;

- Pitam/Pengsan/Renjatan/TSD/Koma
- Renjatan/Asfiksia/Tercekik
- CPR (Cardio Pulmonari Resusitasi)
- Luka dan Pendarahan
- Patah dan Pengurusan
- Kecederaan Sendi dan Otot
- Pembebatan dan Pembalutan
- Sistem Peredaran Darah
- Sistem Pernafasan
- Terbakar dan Melecur

3.

Di akhir kursus, para peserta telah menjalani peperiksaan dalam bentuk teori, lisan dan praktikal berkaitan topik-topik yang telah dibincangkan pada hari pertama dan kedua kursus. Peserta-peserta yang lulus akan memperolehi Sijil PPC dan CPR yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Kebangsaan BSM Malaysia.

Kesimpulan

- Secara keseluruhannya pendedahan dan panduan yang menyeluruh berkenaan Pengenalan Pertolongan Cemas dan CPR ini dapat diperolehi oleh para peserta dalam menghadapi kemalangan dan juga kecemasan. Ini terbukti apabila semua peserta yang menduduki peperiksaan telah lulus dengan jayanya. Di samping itu, ilmu yang diperolehi juga dapat digunakan untuk membantu staf yang lain berkenaan dengan asas-asas pertolongan cemas.

Bengkel Writers Circle Support Group (WCSSG) 2011

Oleh : Maslita Abd Aziz
Ahmad Shaarizan Shaarani



Alhamdulillah bengkel Writers' Circle Support Group (WCSG) telah memasuki tahun kedua dan seperti tahun 2010, pelbagai aktiviti yang melibatkan perbincangan tentang penulisan teknikal telah dilaksanakan. Perbincangan penulisan dikalangan ahli masih menggunakan sistem giliran untuk memberi kesetaraan agar setiap ahli diberi peluang untuk memperbaiki serta mengenalpasti kesalahan yang dilakukan sewaktu menulis. Aktiviti WCSG adalah berteraskan pendedahan kepada format penulisan tesis tetapi perbincangan mingguan tidak terhad kepada tesis sahaja. Malah setiap ahli diberi kebebasan untuk menghantar apa sahaja bahan penulisan teknikal untuk disemak bersama seperti journal dan proceeding.

Aktiviti

Selain semakan bahan penulisan teknikal, aktiviti seminar dan perkongsian kemahiran menggunakan 'tools' telah dilaksanakan. Sebanyak dua sesi seminar telah disampaikan oleh Yang Berbahagia Prof. Dr. Shahrin bin Sahib @ Shaibuddin bertajuk "Thesis Writing" dan "Viva Presentation". Manakala perkongsian ilmu telah dikendalikan oleh Pn. Maslita Abd Aziz adalah mengenai kaedah mencari bahan rujukan bermula daripada penjanaan kata kunci yang sesuai serta penggunaan carian enjin Google, pangkalan data atas talian Citeseer dan Scopus. Aktiviti perkongsian ilmu seterusnya yang telah dirancang adalah penggunaan Endnote oleh Pn. Siti Azira Asmai, templat tesis menggunakan Microsoft Words oleh Pn. Safiza Suhana Kamal Bahrin dan Pn. Zahriah Othman, templat tesis menggunakan Latex oleh Pn. Norashikin Ahmad serta pengunaan SPSS oleh Pn. Siti Azirah Asmai.

Alhamdulillah, WCSG ini bertambah mantap seiring dengan kepercayaan yang diberikan oleh pihak pengurusan universiti. Jutaan terima kasih kepada naib canselor UTeM, Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan yang telah meluluskan kertas kerja WCSG serta dekan FTMK yang telah memberi banyak ide dan menjadikan aktiviti WCSG satu kenyataan.

Dr. Mariana bte Yusoff, dekan Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI) masih diberi tanggungjawab sebagai fasilitator. Manakala Prof. Dr. Shahrin bin Sahib @ Shaibuddin, dekan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) merupakan penasihat WCSG. Kumpulan ini bernaung dibawah Jawatankuasa Penerbitan & Penulisan FTMK dan mempunyai 14 orang ahli daripada Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), PBPI dan FTMK.

Netriders Malaysia 2011

UTeM Tempat ke 3

Oleh : Nor Azman Mat Ariff

Tanggal 2 April 2011, telah berlangsungnya Malaysia NetRiders 2011, iaitu satu pertandingan kemahiran Rangkaian Komputer edisi keenam yang dianjurkan oleh Cisco Malaysia Academy Council. Pertandingan ini memberi peluang kepada pelajar menguji kemahiran teknikal dan pengetahuan di dalam bidang rangkaian sekaligus menyediakan landasan kepada para Instructor mengukur tahap kecekapan para pelajar mereka.

Pertandingan kali ini ia telah diadakan di Kolej Tunku Abdul Rahman, Setapak, Kuala Lumpur dan disertai hampir 500 orang pelajar dari IPTA dan IPTS seluruh negara. Seramai 9 orang pelajar Degree dan 6 orang pelajar Diploma dari FTMK telah terpilih mewakili UTeM. Semua pelajar yang terpilih merupakan pemenang dari pertandingan Cyber Contest Mania 2011 kategori rangkaian yang telah diadakan pada 17 Mac 2011.

Bertolak dari Melaka jam 6.30 pagi membolehkan kami sampai awal ke lokasi pertandingan. Tepat jam 9.00 pagi, urusetia memberikan taklimat pertandingan bagi menerangkan perlaksanaan dan peraturan pertandingan. Pusingan pertama pertandingan iaitu ujian teori bermula jam 9.30 pagi dan diikuti dengan pusingan kedua iaitu ujian kemahiran menggunakan perisian simulasi packet tracer. Pada sebelah petangnya pula, Cisco Career Fair telah diadakan yang melibatkan beberapa syarikat IT terkemuka dan pelajar berpeluang meninjau sendiri peluang-peluang pekerjaan di dalam bidang IT disamping menyertai sesi temuduga yang diadakan.

Acara paling dinantikan oleh semua peserta iaitu penyampaian hadiah telah menyaksikan pelajar FTMK, Mohd Naim Hadi Darsono menduduki tempat ketiga bagi kategori Diploma. Ini memperbaiki pencapaian pada tahun lepas di mana UTeM sekadar menduduki tempat ke 8 bagi kategori Diploma. Tempat pertama bagi kategori Diploma telah dimenangi oleh peserta dari Politeknik Tuanku Syed Sirajudin manakala bagi kategori Degree diungguli peserta dari Universiti Multimedia. Tahniah diucapkan kepada Mohd Naim..

SIHAT CERGAS | Hadapi 'Exam' Bersama P.A.

Oleh : Irda Roslan

Beriadah merupakan satu aktiviti yang menyihatkan badan di samping dapat merehatkan dan mencerdaskan minda setelah penat melaksanakan tugasan harian. Atas dasar itu, saya mengambil kesempatan untuk menganjurkan satu aktiviti riadah bersama-sama pelajar di bawah Penasihatan Akademik (1 DIT S1 G1) yang dinamakan "Sihat Cerdas Hadapi 'Exam' bersama PA". Aktiviti ini diadakan pada hujung minggu 30 Oktober 2010 bertempat di Taman Botanikal Melaka. Di antara objektif utama aktiviti ini ialah untuk mengeratkan ukhuwwah di antara PA dan juga para pelajar di samping beriadah bersama bagi mencergaskan badan dan minda. Satu sesi perkongsian kepada para pelajar turut dilaksanakan bagi mendedahkan kepada mereka kehidupan di alam kampus serta tips menghadapi Peperiksaan Akhir.

Aktiviti dimulakan dengan bermain 'games' untuk sesi perkenalan. Ini diikuti dengan aktiviti memanaskan badan yang dikendalikan oleh salah seorang pelajar. Setelah itu kami 'breeze walk' sekitar Taman Botanikal Melaka sambil menghirup udara segar dan menikmati keindahan alam ciptaan Allah. Sambil bersenam, saya mengambil peluang berbual-bual bersama pelajar untuk mengenali mereka dengan lebih dekat. Setelah beriadah sambil bergambar bersama mereka hampir sejam setengah, kami berkumpul bersama untuk mengadakan sesi perkongsian.

Di antara intipati perkongsian tersebut adalah harapan agar para pelajar tidak mensia-siakan peluang mereka belajar di UTeM di samping memberi pesanan motivasi kepada mereka. Mereka turut diingatkan agar sentiasa menjaga akhlak dan peribadi bersesuaian sebagai seorang mahasiswa universiti. Beberapa tips dalam menghadapi Peperiksaan Akhir yang merupakan kali pertama bagi pelajar-pelajar baru ini turut dikongsi bersama. Pelajar juga diingatkan agar berjumpa dengan PA seandainya menghadapi sebarang masalah berkenaan akademik ataupun ingin berbincang berkenaan perkara-perkara berkaitan universiti. Akhir sekali, kata-kata semangat ditiupkan agar mereka bersedia fizikal dan mental dalam peperiksaan yang bakal dihadapi.

Pertemuan tersebut diakhiri dengan sesi makan-makan bersama pelajar serta sembang-sembang bersama mereka. Alhamdulillah, objektif aktiviti ini tercapai dan diharapkan agar para pelajar mengambil manfaat daripada aktiviti yang dilaksanakan ini serta dijadikan pedoman untuk masa-masa akan datang.

Lawatan Kerja ke Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

Oleh : Mohd Rady Ab Karim
Othman Mohd

Pada 6 Mac 2011, satu rombongan yang diketuai oleh Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Burairah Hussin, Timbalan Dekan Penyelidikan dan Pengajian Siswazah FTMK, bersama Dr. Mohamad Faizal Abdollah, Ketua Jabatan Sistem dan Komunikasi Komputer (SKK), En. Othman Mohd, Pensyarah Kanan Jabatan SKK dan En. Mohd Rady Ab Karim, Penolong Pendaftar FTMK telah mengadakan kunjung hormat ke Ibu Pejabat, Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT).

Tujuan

Tujuan lawatan adalah untuk mengetahui sejauhmana penggunaan teknologi maklumat telah dilaksanakan di Ibu Pejabat JPNT, masalah yang dihadapi dan seterusnya mencadangkan projek kerjasama yang boleh dilaksanakan diantara FTMK, UTeM dengan JPNT melalui kerja-kerja perundingan.

Y. Bhg. Dato' Hj. Nor Akhirrudin bin Mahmud, Pengarah JPNT telah sudi untuk memberikan taklimat berhubung dengan peranan, kepentingan hutan kepada eko-sistem, ekonomi, cara kerja yang dilaksanakan masa kini dan kepentingan keperluan teknologi maklumat dalam membantu JPNT merancang dan menguruskan hutan dengan lebih teratur, tepat dan cekap.

Pada taklimat tersebut juga, Y. Bhg. Dato' Pengarah JPNT telah memaklumkan beberapa masalah berkaitan dengan aplikasi sistem yang digunakan masa kini dan dimana ianya perlu diambil tindakan segera. Aplikasi sistem tersebut adalah Sistem Inventori Hutan Sebelum Tebangan (Pre-Felling System (Pre-F)) dan Sistem Inventori Hutan Selepas Tebangan (Post-Felling System (Post-F)). Aplikasi ini telah dibangunkan sejak awal tahun 1990an menggunakan bahasa komputer generasi ke tiga. Memandangkan sehingga kini banyak perubahan telah berlaku dari segi polisi, pentadbiran dan pengurusan hutan maka keperluan untuk mengemaskini aplikasi sedia ada perlu diberi keutamaan.

Rumusan

Sehubungan dengan itu, Y. Bhg. Dato' Pengarah JPNT telah meminta kerjasama pihak FTMK, UTeM supaya dapat melihat, mengkaji dan mencadangkan pembangunan aplikasi sistem baru melibatkan dua sistem ini. Beliau berharap agar sistem yang akan dibangunkan ini akan lebih fleksibel, tepat, mudah, di samping menggunakan sepenuhnya kemudahan teknologi sesawang serta perisian sistem terbuka.

Pemantapan Pengajaran & Pembelajaran

Oleh : Muhamad Syahrul Azhar Sani

Pastinya kita sering mendengar Student Centered Learning (SCL), Project/Problem Based Learning (PBL), Outcome Based Education (OBE), Informal/Formal Cooperative Learning (ICL/FCL) dan pelbagai lagi kaedah didalam pengajaran dan pembelajaran. Sejajar dengan misi dan visi universiti untuk menjadi universiti teknikal yang kreatif dan inovatif, Utem telah berusaha untuk melengkapkan para pensyarah dengan mengikuti bengkel-bengkel berkaitan agar pendekatan ini dapat diaplikasi didalam subjek masing-masing. Secara umumnya PBL, OBE, ICL/FCL adalah dari filosofi SCL yang memfokuskan kepada keperluan pelajar, keupayaan, minat dan cara belajar dimana pensyarah bertindak sebagai fasilitator. Konsep SCL boleh diterjemahkan dengan pelbagai kaedah. Kaedah ini memerlukan pelajar bertindak aktif dan dinamik didalam kelas, bekerja didalam satu kumpulan dengan menekankan kepada 'suara pelajar' untuk mencapai matlamat konsep ini.

Perubahan paradigm ini adalah hasil dari dapatan kajian yang menunjukkan kaedah tradisional (*chalk and talk*) iaitu didalam proses pembelajaran pasif, guru mengajar dan pelajar mendengar tidak memberikan impak yang maksimum kepada para pelajar berbanding pendekatan SCL. Antara kelebihan pendekatan ini ialah untuk menarik perhatian pelajar didalam sesuatu topik. Ini akan memberi peluang kepada pelajar untuk menjana idea baru dan dapat berfikir secara kritis kerana ia secara tidak langsung melibatkan gabungan pelbagai disiplin ilmu. Keyakinan diri pelajar akan meningkat dan mereka akan merasa puas dan seronok apabila idea mereka dihargai seterusnya membuatkan pelajar-pelajar lain terkesan dan turut sama terlibat dalam perbincangan bagi sesuatu topik.

Secara umumnya, kebanyakan pensyarah sebenarnya telah pun mengimplementasi konsep ini secara tidak langsung. Ini boleh dilihat dari aktiviti pelajar semasa pembentangan projek, tugasan atau pun kajian kes. Begitu juga semasa tutorial dan praktikal dimakmal dimana ia memerlukan penglibatan aktif para pelajar semasa sesi tersebut. Namun demi memantapkan lagi kaedah pembelajaran, kesemua kaedah-kaedah ini perlu diintegrasi dan dirancang dengan lebih rapi bagi memastikan kejayaan dan keberkesanannya.

Walaupun telah banyak bengkel dihadiri oleh pensyarah namun untuk mengaplikasikan pendekatan SCL secara spesifik didalam subjek yang selalu berubah-ubah merupakan cabaran penting. Namun sekiranya kesemua pensyarah dapat mendokumenkan teknik dan kaedah yang diaplikasikan bagi sesuatu topik, pastinya dapat membantu pensyarah lain pada masa akan datang. Selain itu, kemahiran untuk menjadi 'fasilitator' juga perlu di pelajari kerana ia memerlukan disiplin ilmu yang lain. Persoalan yang mencabar bagi para pensyarah ialah bagaimana untuk melaksanakan pendekatan ini didalam subjek masing-masing kerana ia memerlukan perancangan yang terperinci dan sistematik bagi memastikan ianya relevan berdasarkan sesuatu topik. Penyataan masalah atau kajian kes yang hendak dibincangkan perlulah sesuai dengan waktu kuliah atau makmal iaitu kira-kira 2 atau 3 jam. Ini kerana setiap kali sesi kuliah, pelbagai topik perlu diterangkan berdasarkan silibus yang telah disetkan diawal semester. Pensyarah juga perlu membuat penilaian markah secara adil kepada pelajar bagi setiap sesi perbincangan topik dan masalah.

Bersedia atau tidak pensyarah tetap perlu melaksanakannya. Kejayaan bagi melaksanakan pendekatan SCL ini memerlukan latihan dan penambahbaikan yang berterusan bagi mencapai matlamat untuk menghasilkan graduan harapan universiti. Seperti kata William Arthur Ward, 'The mediocre teacher tells. The good teacher explains. The superior teacher demonstrates. The great teacher inspires', diharapkan setiap pensyarah akan menjadi great teacher.

Recycing Words IS NOT Plagiarisms



By: Dr Mariana Yusoff, Maslita Abd Aziz and Ahmad Shaarizan Shaarani.

Writing, good English is hard especially for non-native speakers. Why do we have to write in English? Simple. English is the universal language, which means English is used in many of the key economic powerhouse countries. These countries are also the leaders in technology as well as knowledge. As academicians, we are expected to write continuously since writing is measured as one of the success factors in the academic world. Every day we strive to become a more fluent writer as well as an able researcher.

Most of us have our own tips and tricks about writing. A rule of thumb in writing is to explain an idea as simple as possible. It is important to compose a clean and grammatically correct sentence. "Emm… easier said than done", is what you might think. Yes, you are absolutely right! In reality it is difficult to compose a good sentence, what more a paragraph! However, we can start by selecting a segment of a sentence from quality articles and recycle the words. True, we are adopting or adapting sections of the texts but we are not copying the material as it is. We are borrowing the clauses and phrases that can be used to express our own idea. For example:

- We therefore begin this part of the review by considering [insert your idea here]. The following subsection summarizes [insert your material here].

Another example is,

- However, current approaches often fall short of providing [insert your text here].

The act of adopting and adapting is not considered as a plagiarism as only some parts of the sentences are used in expressing the original ideas of the writer.
More examples:

- Nevertheless, the research we review is unified by its aim: to understand [insert your text here]
- As will be described below when we discuss [insert your text here], many recent studies of [insert your text here].
- It is clear from these general findings that [insert your text here]

Therefore, every writer is strongly encouraged to have a bank of the recycle words to refer to and choose from to help them in writing. This bank is especially useful when we start writing our theses. Although it looks trivial, speaking from experience, this exercise is a great help in constructing good sentences. Give it a try because in writing theses, we always stumble on writer's block!



Simulasi Rangkaian

Oleh : Mohd Najwan Md Khambari



Simulasi rangkaian merupakan satu teknik di mana sebuah program memodelkan perilaku rangkaian sama ada dengan mengira atau menghitung interaksi antara entiti rangkaian yang berbeza seperti komputer, penghala, jalinan data, dan switch dengan menggunakan rumus matematik, atau menangkap dan memainsemula pemerhatian daripada rangkaian tersebut. Perilaku rangkaian dan pelbagai aplikasi serta perkhidmatan yang disokong sesebuah rangkaian itu kemudiannya dapat diamati. Pelbagai atribut persekitaran juga boleh diubahsuai dengan cara yang terkawal untuk menilai bagaimana rangkaian akan berinteraksi dan berperilaku di bawah keadaan atau senario yang berbeza.

Sementara itu, tinjauan yang dilakukan oleh menunjukkan bahawa lebih 50% dari hasil kajian yang diterbitkan pada tahun 2001 dalam jurnal dan prosiding utama di dalam bidang telekomunikasi diperolehi melalui penggunaan simulasi. Ini adalah kerana kepesatan teknologi yang menyumbang kepada kuasa perkomputeran untuk terus meningkat, telah tersedia untuk para penyelidik menjalankan simulasi yang lebih kompleks. Selain itu, analisis teori dan eksperimen langsung dengan menggunakan alatan sebenar adalah terhad . Simulasi rangkaian dilaksanakan dengan menggunakan perisian simulator rangkaian.

Terdapat pelbagai pilihan perisian simulasi rangkaian (juga disebut simulator) yang popular dan biasa digunakan oleh para penyelidik di seluruh dunia. Sesetengahnya adalah percuma dan berasaskan sumber terbuka seperti NS-2, GloMoSim, J-Sim dan Omnet. Manakala tidak kurang juga simulasi rangkaian yang berasaskan komersil seperti OPNET Modeler, QualNet dan NetSim.



NS-2

Bagaimanapun, berdasarkan kepada hasil tinjauan dan pembacaan, NS-2 adalah perisian yang paling popular di kalangan para penyelidik di seluruh dunia. Ini adalah berasaskan kepada kajian tinjauan yang dilakukan oleh. Tinjauan ini bertujuan menentukan keadaan simulasi khususnya penyelidikan berkaitan rangkaian tanpa wayar. Tinjauan telah dibuat terhadap Proceedings of the ACM International Symposium on Mobile Ad Hoc Networking and Computing (MobiHoc) dari tahun 2000-2005. Jadual 1 di bawah menunjukkan ringkasan hasil daripada tinjauan tersebut.



Jadual

Dari jadual di atas, adalah jelas bahawa NS-2 adalah pilihan utama simulator yang akan digunakan dalam sebahagian besar kajian yang dijalankan pada prosiding tersebut, dengan skor 43.8%. NS-2 adalah simulator rangkaian yang paling popular dan banyak digunakan di dalam bidang penyelidikan. Ini dapat dijelaskan dengan beberapa faktor utama seperti dibawah:

Simulator		
Jumlah	Peratus	Penerangan
114 daripada 151	75.5%	Menggunakan simulasi di dalam kajian
0 daripada 114	0.0%	Menyatakan kod sumber ada untuk dokongsikan
80 daripada 114	70.2%	Menyatakan jenis perisian simulasi yang digunakan
35 daripada 80	43.8%	Menggunakan simulator NS-2
8 daripada 80	10%	Menggunakan simulator Glomosim
5 daripada 80	6.3%	Menggunakan simulator QualNet
5 daripada 80	6.3%	Menggunakan simulator OPNET
3 daripada 80	3.8%	Menggunakan MATLAB/ Mathematica
2 daripada 80	2.5%	Menggunakan simulator CSIM
22 daripada 80	27.3%	Menggunakan simulator yang dibangunkan sendiri
7 daripada 58	12.1%	Menyatakan versi simulator yang digunakan
3 daripada 114	2.6%	Menyatakan sistem pengoperasian yang digunakan

Jadual 1 : Ringkasan tinjauan tentang simulator yang digunakan

.1. NS-2 adalah percuma dan berasaskan perisian sumber terbuka

NS-2 adalah perisian yang boleh dimuat turun, dipasang dan diubahsuai secara percuma, tanpa memerlukan kos atau lesen yangmahal. Sebagai perbandingan, OPNET memerlukan lesen untuk beroperasi dengan kefungsian yang penuh. Dengan kos pelaksanaan yang tinggi, OPNET bukan pilihan simulator utama dalam kebanyakan penyelidikan. Sementara itu, terdapat beberapa simulator percuma yang lain juga seperti GloMoSim dan OMNeT + +. Namun, NS-2 masih menyediakan kefungsian yang lebih baik kerana ia mampu menyokong protokol dan algoritma yang lebih luas.

.2. NS-2 disokong oleh komuniti yang sangat besar

Terdapat banyak newsletter dan kumpulan sokongan NS-2 di Internet. Oleh itu, terdapat banyak kod yang disumbangkan dan ciri-ciri tambahan baru yang dibangunkan oleh rakan penyelidik lain di serata university di dunia yang dikongsi bersama. Ia berbeza sama sekali dengan OPNET yang hanya dibangunkan oleh satu entiti sahaja. Ini adalah kebaikan utama perisian yang berasaskan sumber terbuka.

.3. Hasil simulasi NS-2 adalah lebih mirip kepada persekitaran rangkaian sebenar

Sebuah kajian telah dilaksanakan untuk membandingkan prestasi simulator, khusus untuk NS-2 dan GloMoSim untuk dibandingkan dengan testbed. Hasil kajian menunjukkan bahawa hasil simulasi NS-2 itu lebih dekat dan mirip dengan hasil testbed berbanding GloMoSim.

Kesimpulan

Tidak dinafikan bahawa kaedah paling baik dalam menentukan prestasi sesebuah rangkaian adalah dengan memasang perkakasan sebenar rangkaian itu sendiri pada senario sebenar. Bagaimanapun, ia melibatkan kos yang sangat tinggi lebih-lebih lagi jika rangkaian tersebut adalah kompleks dan masih lagi pada peringkat perancangan. Oleh itu, penggunaan simulator dapat memberikan alternatif dalam menentukan prestasi sesebuah rangkaian dan sekurang-kurangnya dapat memberikan gambaran awal dalam menjangka prestasi sesebuah rangkaian itu sebelum dilaksanakan pada situasi yang sebenar tanpa melibatkan kos yang tinggi sama ada dari segi kewangan mahupun masa.

Saat Lampu Isyarat Bertukar MERAH

Oleh : Irda Roslan

Anda sedang memandu kereta dalam perjalanan pulang ke rumah. Sebaik sahaja anda tiba di persimpangan lampu isyarat, warna lampu sudah bertukar ke merah. " Alamak, 120!", getus hati anda apabila melihat digit-digit pada countdown timer. Anda pun menanti dan terus menanti.

Persoalannya, dalam masa 3 minit tersebut, apa yang anda lakukan? Memerhatikan sahaja kenderaan-kenderaan bergerak? Termenung dan membiarkan masa berlalu begitu sahaja? SMS yang tersayang? Menyanyi mengikut iringan lagu dari corong radio? Seandainya yang anda lakukan itu bermanfaat, Alhamdulillah. Tetapi jika dirasakan tidak, apa kata anda cuba saranan-saranan berikut:



Dengan mengamalkan saranan di atas, secara tidak langsung anda boleh menambah ilmu, melipatgandakan pahala dengan zikir, menguatkan ingatan dengan hafazan, mengurangkan stres dan sebagainya. Ada banyak lagi perkara yang boleh dilakukan sepanjang tempoh menantikan lampu hijau. Segalanya terserah pada anda. Pandu cermat penuh manfaat, jiwa selamat dunia akhirat.

Selamat beramal!

- Ikuti countdown tersebut dengan zikir. Sebagai contoh istighfar. Secara tidak langsung, anda akan beristighfar sebanyak tempoh countdown tersebut! Sekiranya ketemu lagi dengan lampu isyarat seterusnya, lakukan perkara yang sama dengan istighfar atau zikir-zikir lain pula. Rasulullah S.A.W sendiri beristighfar tidak kurang 70-100 kali. Kita pula bagaimana? Ambil peluang ini untuk beristighfar. Moga dengan amalan tersebut, Allah gugurkan dosa-dosa kita yang mungkin dilakukan dalam sedar atau tidak.

- Menghafaz ayat-ayat suci Al-Quran. Simpan senaskhah al-Quran kecil di dalam kereta anda. Bila berhenti di lampu isyarat, rujuk Quran dan mula menghafaz. Cukup sekadar satu ayat sehari (kalau lebih lagi baik) dan istiqamah. Banyak manfaatnya. Sekurang-kurangnya hasil hafazan anda yang lengkap itu boleh dibaca ketika dalam solat (Tidaklah perlu selalu baca ayat-ayat lazim yang sama sahaja setiap kali solat).

- Membaca buku motivasi atau ilmiah. Sediakan buku/majalah yang mengandungi banyak artikel-artikel ringkas tetapi bermanfaat (contoh: Majalah Solusi). Saat berhenti di lampu isyarat, segera capai buku tersebut dan selak ke muka surat yang ingin dibaca (cadangan: sediakan penanda buku). Sekali sekala semak kiraan countdown bagi memastikan anda tidak terlajak membaca. Saranan ini sesuai untuk countdown yang agak lama.

- Lakukan senaman pernafasan yang dapat mengurangkan stress. Ikuti teknik berikut:

- Dalam keadaan relax, tarik nafas perlahan-lahan melalui hidung sambil membaca dalam hati, "Subhanallah Walhamdulillah Wa Lailahaillallah WallahuAkbar" (bersamaan kiraan 5). Semasa tarik nafas, pastikan abdomen/perut ke hadapan, bukan mengangkat bahu. Ini adalah cara pernafasan yang baik kerana menggalakkan paru-paru diisi dengan lebih banyak udara segar.

- Lepaskan nafas perlahan-lahan melalui mulut sambil membaca dalam hati, "Subhanallah Walhamdulillah Wa Lailahaillallah WallahuAkbar Walahaula Wala Quwata Illabillah" (bersamaan kiraan 8).

- Ulangi teknik pernafasan ini berulang kali. Anda akan rasa segar dan bersemangat!

DS45 & DG44
Satu Perbandingan

Oleh : Muhamad Syarulazhar Sani

Sehari-hari kita sering mendengar keluhan para guru berkaitan imbuhan yang diterima tidak setimpal dengan beban yang ditanggung namun jarang sekali mendengar keluhan pensyarah berkaitan isu ini. Terdapat juga suara yang mengatakan perlu bersyukur dengan kerja yang ada, bekerja tidak ikhlas kerana mengharapkan imbuhan dan berhenti kerja jika tidak puas hati. Argumen tersebut ada kebenarannya tetapi itu bukanlah isunya. Perbandingan ini hanyalah satu pandangan yang cuba dilakukan secara adil bagi kebanyakan guru dan pensyarah walaupun ia tidak tepat. Perbandingan ini juga hanyalah ringkasan secara umum kerana terdapat pelbagai lagi faktor mikro yang perlu dikupas secara menyeluruh.

	Perkara	Guru DG44	Pensyarah DS45	Perbandingan
1	cuti	cuti sekolah tetap (40 hari)	cuti fleksibel (30 hari)	adil
3	dokumentasi ISO	perlu	perlu	adil
4	kursus & mesyuarat	perlu hadiri	perlu hadiri	adil
5	waktu bekerja	7.30-2.30 (7 jam) tetap	8-5 (9 jam) fleksibel	adil
6	ujian dan peperiksaan	perlu buat sendiri	perlu buat sendiri	adil
7	menanda homework, tugasan, ujian	kemestian	kemestian	adil
8	bekerja luar waktu	ada (kadangkala)	ada (kadangkala)	adil
9	menasihat pelajar	ada	ada	adil
10	mengiringi pelajar untuk program	ada (kadangkala)	ada (kadangkala)	adil
11	jawatan lain dan pentadbiran	ada	ada	adil
12	khidmat masyarakat	ada	ada	adil
13	peluang kenaikan pangkat	bergantung pada prestasi	bergantung pada prestasi	adil
14	tidak hadir bekerja	guru lain perlu kawal kelas	tidak mengapa	beban pada guru
15	ko-kurikulum	kebanyakan	segelintir	beban pada guru
16	pelajar bermasalah	ramai	segelintir	beban pada guru
17	kedudukan di pedalaman	segelintir sekolah	tiada	elaun khas pedalaman diberi
18	kelayakan DG44/DS45	pengalaman bekerja	sarjana/ PhD	lambat dan cepat
19	mengajar sepanjang kerjaya	1-3 subjek	3-8 subjek	beban pada pensyarah
20	silibus	ditetapkan kementerian	penambahbaikan subjek	beban pada pensyarah
21	penyediaan nota P & P	ikut buku teks	sendiri	beban pada pensyarah
22	tidak hadir mengajar	tidak mengapa	perlu ganti kelas	beban pada pensyarah
23	penyeliaan projek pelajar	tiada	ada	beban pada pensyarah
24	penyeliaan latihan industri	tiada	ada	beban pada pensyarah
25	menulis buku	sangat sedikit (inisiatif sendiri)	kebanyakan (kemestian)	beban pada pensyarah
26	menulis dan membuat kajian	sangat sedikit (inisiatif sendiri)	kebanyakan (kemestian)	beban pada pensyarah
27	perundingan	tiada	kebanyakan (kemestian)	beban pada pensyarah
28	gred tertinggi	JUSA (ramai)	TURUS (masih belum ada)	sangat sukar
29	elaun	RM 1120	RM 1200	pensyarah lebih RM80
30	gaji	DG44 = RM2982 (P1T1)	DS45 = RM2545 (P1T1)	gaji pensyarah lebih rendah

An Experience from Infosys Campus Connect

By Emaliana Kasmuri

Bollywood movies, the beautiful Aishwarya Rai, laddoo and dusty roads are among things associated with India. Unclear with what the country can offer to the world, I was booted to India for 4 months in 2007. The purpose is to participate in Infosys Java Stream Training conducted in Mysore, Karnataka India.

When I arrived in the Infosys Mysore DC (Development Centre), I was amazed with how clean and well maintained the place is. It doesn't have typical Indian environment at all. IT IS VERY CELAN. The place is very conducive for training and working

Infosys believes in knowledge dissemination thus that explains the free trainings provided to all candidates of software engineers.

These candidates are from various backgrounds which includes computer science, electrical engineering, geology studies, political sciences, business management and biology just to name a few.

The training has been so success that they could recruit and mould these graduates to be software engineers working in several of their projects.

The training consists of two parts which are Fundamental Program and Java Stream. The details of the training as shown below:

Fundamental

- Computer Hardware and System Software Concepts
- Programming Fundamentals (similar to Programming Techniques)
- Relational Database Management System
- Analysis of Algorithms
- System Development Methodology
- User Interface Design
- Introduction to Web Technologies
- Object Oriented Concepts
- Client Server Concepts.

Java Stream

- Java
- Advanced Java
- Oracle (PL-SQL)
- J2EE
- HJSX (HTML, Javascript, XML)

How is this possible?

Module Organizations

The content of the modules are organized according to the needs of the industry. For instance, in Programming Fundamentals Pointers and Arrays are introduce before Control Structures (do...while(), while() and for) and single Pointer is used rather than double pointers. Code optimization and performance are introduced in Analysis of Algorithms (AoA) using industrial case studies (eg:- generation of 1 million data in Oracle) which has excluded all complicated (and scary) mathematical expression. This has created the interest of the trainees whom are weak in mathematics towards AoA.

Practical Applications

The approaches are similar to FTMK which they stressed on practical application. Trainings were divided into two parts which are theories in the morning and lab practicals in the afternoon. Tests are conducted for every modules and the passing marks is 65. Trainees can re-sit for the fail module test. At the end of each parts (Foundation and Stream), a comprehensive test which covers all modules will be the determinant of the trainee competency.

Integrated Projects

Trainees have to work in group to complete the project. The projects are develop incrementally from one module to the next. The projects are evaluated by the software engineers attached to the Development Centre. Project evaluation is one of the stressful moments for the trainees as the evaluator checks all aspects of the software and documentation include the source code (This is almost insane for the first timer).

Lab and Library Accessibility

The hostels are not equipped with Internet access. Therefore, the trainees have to come to the labs to finish all the assignments and projects. All labs are open 24-7. Internet is not accessible during working hours. Thus, it will keep the trainees in focus.

